

PENGARUH PENGURUSAN KONFLIK
TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

AFZA BT. ABDOLLAH

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
1999



114777

114777

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan memperolehi maklumat dan kefahaman tentang pengaruh pengurusan konflik terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat (4) sekolah asrama penuh negeri Kedah yang dipilih secara rawak seramai 211 orang. Data telah dikumpul melalui soal selidik yang mengandungi 50 item menggunakan sukatan 5 skala Likert. Data ini dianalisis dengan menggunakan statistik min, sisihan piawai, ujian-t, analisis varian (ANOVA) sehalu dan statistik korelasi. Kriteria bagi menentukan hubungkait di dalam projek ini ialah pada aras keertian 0.95 atau 5% tahap signifikan. Data tentang ciri demografik responden juga dikumpulkan. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengurusan konflik pelajar secara keseluruhan adalah tinggi. Begitu juga bagi dimensi rakan, keluarga dan pentadbir sekolah dan guru juga tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tidak menghadapi masalah dalam mengurus diri terhadap rakan, keluarga dan juga pihak sekolah dan guru. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar dapat menguruskan konflik diri dengan bijaksana. Mereka menangani konflik secara kolaborasi, kompromi, bekerjasama, mengelak dan akomodasi.

BAB 1

Pengenalan

1.0 PENDAHULUAN

Abad kedua puluh satu semakin hampir. Amalan pendidikan yang berlangsung dalam abad kedua puluh belum pasti berkesan menangani masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar terutama mereka yang baru menerokai alam remaja. Golongan remaja sangat diperlukan dalam masyarakat dan negara. Mereka merupakan golongan yang paling berharga serta aset yang tidak ternilai. Pada remaja terletak masa depan negara serta harapan untuk membangunkan negara. Mereka sebagai barisan pelapis adalah pembentuk dan pewaris Malaysia maju tahun 2020. Pencapaian matlamat dan wawasan negara bergantung kepada corak manusia yang bakal dilahirkan oleh sistem pendidikan kita.

Sumber manusia adalah merupakan aset negara yang paling utama seperti yang diutarakan oleh Perdana Menteri.

..... sumber yang paling utama bagi sesebuah negara adalah bakat, daya cipta dan daya usaha rakyatnya. Tenaga otak kita adalah sumber yang jauh lebih berharga dari sumber alam. Rakyat adalah sumber kita yang utama (Mahathir , 1991)

Setiap pelajar yang menjejak kaki ke alam persekolahan mempunyai matlamat sendiri untuk berjaya dalam setiap bidang yang diceburi terutama kecemerlangan dalam pencapaian akademik. Kejayaan sesuatu matlamat akan dirasakan oleh pelajar pada satu masa yang akan datang. Pengurusan yang sistematik dan daya usaha yang gigih membolehkan seseorang mencapai matlamat masa depannya.. Pengurusan adalah satu proses yang melibatkan perancangan pengorganisasian, pimpinan dan pengawalan sumber-sumber untuk mencapai sesuatu matlamat. Sumber seseorang pelajar merangkumi kemahiran, ilmu, dan otaknya dan pengurus yang bertanggungjawab untuk menyelia penggunaan sumber-sumber ini adalah dirinya sendiri. Pengurusan sumber-sumber dengan berkesan dan efektif membantu pelajar mencapai matlamatnya.

Pendidikan adalah satu pelaburan. Pelabur yang bijaksana dan bertanggungjawab, hanya ingin melihat kejayaannya serta meraih hasil pelaburannya yang optimum, sepertimana yang diharap-harapkan sudah tentu tidak mencukupi sekurangnya hanya sebagai pemerhati dari luar sahaja. Telah sampai ketikanya semua ibu bapa pelajar secara komited turut terlibat dalam pelaburan pembinaan insan yang sangat penting dan sejajar dengan tuntutan agama, negara dan wawasan 2020.

Pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar tingkatan empat (4) yang baru menerima keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) adalah pelajar-pelajar yang berada dalam alam remaja, satu fasa kehidupan yang penuh dengan cabaran dan

kehidupan yang penuh dengan cabaran dan kadangkala dikatakan tahap kehidupan yang paling rumit. Takrif remaja (orang muda) mengikut Ordinan Mahkamah Juvana 38/47 bermaksud seseorang yang telah mencapai umur 14 tahun dan dibawah umur 17 tahun. Ini disebabkan alam remaja terutamanya di peringkat awal adalah peringkat perubahan bukan sahaja dari aspek fizikal, seks, kognitif tetapi juga perubahan oleh permintaan sosial yang ditentukan oleh keluarga, rakan sebaya, guru, pihak pentadbir sekolah dan masyarakat .

Hall (1905), penaung Persatuan Psikologikal Amerika dan pengasas kajian saintifik remaja menyuarakan pendapat tentang remaja, sebagai masa yang hebat 'storm and stress' dan juga melibatkan potensi fizikal, mental dan emosi. Beliau juga menyatakan bahawa remaja adalah sebagai era perubahan masa. Di antara perubahan yang berlaku adalah berkaitan dengan perhubungan interpersonal; lebih banyak masa dihabiskan dengan rakan sebaya dan kurang masa dengan ahli keluarga. Pengurusan diri yang tidak seimbang oleh remaja akan menimbulkan **konflik**.

Kajian di negara barat menunjukkan bahawa masalah akademik yang dialami para remaja jika tidak diatasi akan membawa kepada keciciran dan seterusnya terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat dan melanggar undang-undang. Mohd Reduan Asli (1991) menyatakan rekod polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat negara kita menunjukkan bahawa kejadian yang tidak diingini yang melibatkan remaja kian meningkat.